

10 SEP 2000

Ling-Wakil Rakyat

WAKIL RAKYAT MCA DIMINTA DEKATI RAKYAT

KLUANG, 10 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meminta wakil-wakil rakyat dari parti itu supaya mengambil sikap mendekati semua lapisan masyarakat di negara ini serta membantu mereka menyelesaikan masalah.

Beliau berkata usaha yang sedemikian mampu untuk meningkatkan sokongan rakyat khususnya terhadap parti berkenaan dan Barisan Nasional (BN).

"Saya yakin dengan cara ini sokongan rakyat terhadap BN dan MCA akan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa," katanya pada perasmian bangunan baru MCA Bahagian Tenggara di No. 1, Jalan Johor-Tenggara, dekat sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein, yang juga anggota Parlimen Tenggara dan pengerusi MCA Bahagian Tenggara, Ng Kim Lai.

Dr Ling berkata, kerajaan BN, yang mengamalkan prinsip kesederhanaan dan bertolak ansur mampu memupuk semangat perpaduan dan keharmonian antara semua kaum di negara ini.

"Oleh itu, sokongan padu daripada rakyat amat diperlukan oleh barisan kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memastikan negara terus mencapai kemajuan serta dapat meningkatkan taraf hidup rakyat di negara ini," katanya.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata kerjasama dan sokongan yang ditunjukkan oleh rakyat selama ini membolehkan kerajaan BN menangani pelbagai cabaran termasuk memulihkan ekonomi negara mengikut acuan dan formulanya sendiri.

"Walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi yang serius, keharmonian kaum dan kestabilan sosial di negara ini tidak sedikitpun tergugat, sebaliknya perpaduan antara rakyat terus diperkukuhkan hasil kerjasama dan persefahaman yang baik," katanya.

-- BERNAMA

RAM AKD